

BANJIR yang menenggelamkan kawasan Masjid Al-Ehsan Kampung Sungai Serai, Batu 11, semalam.



Panik sesudah Subuh

■ Jemaah Masjid Al-Ehsan kelam-kabut lipat sejadah air masuk ruang masjid

Hafidzul Hilmi Mohd Noor
dan Nadzreen Shah Mat Salim
am@hmetro.com.my

Hulu Langat

“Saya dan jemaah masjid kelam-kabut melipat sejadah dan permaidani masjid sejurus mendapati paras banjir semakin meningkat,” kata Imam Masjid Al-Ehsan Muhammad Hussaini Jamaludin.

Dalam kejadian jam 6 pagi semalam, banjir kilat yang

berlaku sejurus hujan lebat turut menenggelamkan berpuluh rumah penduduk di Kampung Sungai Serai, Batu 11, di sini.

Menurutnya, kejadian banjir mendadak itu mengejutkan jemaah masjid yang baru habis menunaikan solat Subuh.

“Ketika saya sampai di masjid, air banjir hanya setinggi buku lali, namun air naik mendadak setinggi paras lutut sebaik kami selesai menunaikan solat Subuh.

“Malah banjir mula melimpah memasuki ruangan dalam masjid. Rata-rata je-

“Ketika saya sampai di masjid, air banjir hanya setinggi buku lali, namun air naik mendadak setinggi paras lutut sebaik kami selesai menunaikan solat subuh”

Muhammad Hussaini

maah yang menyedari kejadian itu bertindak pantas mengulung permaidani dan sejadah di dalam masjid,” katanya.

Dia bersyukur kerana sempat memindahkan sejadah dan permaidani di masjidnya yang dikhuatiri boleh rosak jika ditenggelami banjir.

“Kejadian banjir kilat ini berpunca limpahan air dari sungai berhampiran.

“Malah longkang di kawasan masjid tidak mampu menampung air jika berlaku hujan lebat di kawasan ini,” katanya.

Sementara itu beberapa jemaah dan ahli jawatan kuasa masjid bertindak membersihkan kotoran lumpur selepas banjir mula

surut sekitar jam 9 pagi semalam.

Tinjauan wartawan Harian Metro mendapati penuntut maahad tahfiz di kawasan berhampiran turut membantu membersihkan masjid berkenaan.

Selain itu penduduk sekitar kawasan kampung Sungai Serai di sini, turut membersihkan kediaman masing-masing yang ditenggelami banjir kilat itu.

Mereka dilihat menjemur perkakas elektrik, perabot dan permaidani yang ditenggelami banjir di perkilangan rumah.



PERMAIDANI digulung bagi mengelak terkena air.



PENDUDUK menunjukkan paras air banjir.